

20 JUL 2001

Mahathir-Tinjau

DR MAHATHIR NAIK BAS TINJAU PEMBANGUNAN TUMPAT

TUMPAT, 20 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menaiki sebuah bas bagi meninjau keadaan pembangunan di jajahan Tumpat dalam rangka lawatan sehari ke Kelantan.

Perdana Menteri menaiki bas eksekutif milik Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) bermula dari Sekolah Menengah Kubang Kerian 2 -- selepas merasmikan Program Celik IT 2001 di sekolah itu -- sejauh 40 km menuju ke Pengkalan Kubor.

Sepanjang 50 minit perjalanan itu, Perdana Menteri diberi taklimat mengenai keadaan pembangunan di jajahan berkenaan oleh Pengerusi KUB (M) Berhad, Datuk Hassan Harun.

Yang turut serta dalam bas itu ialah Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed.

Perdana Menteri turut meluangkan masa melawat kawasan Bebas Cukai Pengkalan Kubor, sebuah pusat membeli belah yang terkenal di negeri ini, yang terletak di pinggir Muara Sungai Golok di sempadan Malaysia-Thailand.

Selain membeli-belah, Perdana Menteri turut beramah mesra dengan para peniaga di situ.

Dr Mahathir turut melawat Jeti Kompleks Imigresen Pengkalan Kubor yang menjadi penghubung antara Pengkalan Kubor dengan Tak Bai, wilayah Narathiwat, Thailand.

Beliau kemudiannya mendengar taklimat mengenai operasi pihak berkuasa di Kompleks Imigresen itu.

Perdana Menteri menunaikan solat Jumaat di masjid Al Huda, Pengkalan Kubor.

Beliau kemudian menghadiri jamuan tengah hari bersama orang ramai di rumah seorang usahawan, Zainol Hashim.

-- BERNAMA

RAR NMO